

09/02/1998

MT kenal pasti tapak pusat latihan

PEKAN, Ahad - Majlis Tertinggi (MT) Umno mengenal pasti dua kawasan dengan keluasan antara 20 hingga 40 hektar di Janda Baik, Bentong, untuk dijadikan tapak pembinaan Pusat Latihan Umno.

Bagaimanapun, setakat ini, keputusan muktamad mengenai pemilihan tapak itu belum dilakukan kerana pakar runding masih mengkaji anggaran kos yang diperlukan, termasuk pembinaan infrastruktur dan jalan selain mengambil kira prospeknya.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata beliau akan membentangkan cadangan tapak pusat latihan itu kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta ahli MT, selepas mengetahui potensi kawasan itu dan anggaran kos.

MT sudah menyerahkan tanggungjawab kepada Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Nor, yang dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa kurikulum pusat latihan itu, untuk menyiapkan cadangan rangka kurikulum latihan yang diperlukan.

Beliau yang juga Menteri Pendidikan berkata, pembinaan pusat latihan itu tertakluk kepada keputusan MT kerana ia membabitkan kos dan kemampuan Umno membina pusat latihan mengikut konsep yang ditetapkan.

"Kita sudah mengenal pasti dua tapak yang sesuai di Janda Baik untuk pembinaan Pusat Latihan Umno dan perunding kini membuat anggaran kos pembinaannya, termasuk mengkaji prospeknya pada masa depan.

"Kita juga sudah mengarahkan Dr Yusuf merangka cadangan kurikulum pusat latihan itu dan apabila siap kelak, saya akan membentangkan cadangan penubuhan pusat itu kepada Presiden dan Timbalan Presiden Umno serta ahli MT untuk dipertimbangkan," katanya kepada pemberita di rumah terbuka Aidilfitri, hari ini.

Pusat latihan itu akan menjadi sebuah institusi latihan bersepadu ke arah melahirkan anggota Umno yang menghayati perjuangan parti untuk bangsa, agama dan negara.

(END)